

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Swa.TV

TARIKH : 25 Mei 2022 (Rabu)



PERSIDANGAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN MALAYSIA 2022


Tertinggal: Perpustakaan Sebagai Agen Perubahan

Ti

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri ketika menyampaikan ucapannya sekali gus merasmikan PTPM 2022 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada hari ini

KUALA LUMPUR, 25 Mei 2022: Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menganjurkan Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2022 dari 23 hingga 27 Mei 2022 secara dalam talian. YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) berkata, "Tiada Sesiapa Yang Tertinggal: Perpustakaan Sebagai Agen Perubahan" menjadi tema PTPM 2022 yang sangat bertepatan dengan peranan perpustakaan dalam komuniti di seluruh negara.

"Hal ini kerana perpustakaan sememangnya sebagai sebuah pusat setempat bagi proses pengajaran, pembelajaran, perkongsian, pengalaman, prkongsian ilmu dan menjadi tempat tumpuan bagi kanak-kanak, suri rumah tangga dan warga emas," kata beliau ketika berucap pada PTPM 2022.



PERSIDANGAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN MALAYSIA 2022 bagi Agen Perubahan Tiada Siapa Yang Tertinggal:

YB Nancy Shukri ketika menyampaikan ucapannya dalam Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2022 pada hari ini

Dalam masa sama, beliau yang merasmikan PTPM 2022 pada hari ini di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur turut berkata, perpustakaan sangat berperanan dalam memelihara warisan budaya Malaysia di mana ia secara langsung sejajar dengan visi MOTAC.

"Perpustakaan berperanan sebagai hab komuniti dan tempat pengumpulan sejarah tempatan serta warisan.

"Ini secara langsung menyokong visi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya iaitu Destinasi Lestari Kaya Budaya," ujar beliau.

Dalam pada itu, sebanyak 35 orang pembentang yang membentangkan penulisan mereka dalam empat (4) sesi dan seramai empat belas (14) orang ahli panel mengadakan perbincangan mengenai bidang kepustakawan dalam dua (2) sesi sepanjang 3 hari persidangan ini dijalankan.

Serta, satu sidang pleno bagi membincangkan peranan persatuan perpustakaan/pustakawan turut diadakan dengan wakil-wakil dari Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina pada hari ini.



Sidang pleno yang dihadiri oleh wakil dari 4 negara ASEAN yang lain

Selain daripada itu, PTPM 2022 juga menganjurkan Pertandingan Poster daripada tiga (3) kategori utama iaitu *Information Scientist* (dari academia, industri, perpustakaan dan pelajar pasca-siswazah), *Young Explorer* (dari universiti dan terdiri daripada pelajar sijil hingga ijazah sarjana muda) dan *Junior Wizard* (dari sekolah rendah serta menengah dan terdiri daripada guru perpustakaan dan media serta Pengawas Pusat Sumber). Ia dipertandingkan bagi mempamerkan inovasi idea oleh peserta yang mana akan diumumkan senarai pemenang pada Jumaat (27 Mei) nanti.



Sekitar berlangsungnya Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2022 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada hari ini

YB Nancy Shukri pada akhir ucapannya turut berharap agar semua perpustakaan di Malaysia bersama-sama meneruskan usaha murni dalam membentuk masyarakat berilmu dan berdaya saing dengan melaksanakan pelbagai program galakan membaca.